

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK RABIYAH BINTI ALI**

**TARIKH : 29 OGOS 2018 (RABU)**

**SOALAN : 52**

**Datuk Rabiyah Binti Ali** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah fungsi penguatkuasaan terhadap operasi kenderaan perdagangan apabila SPAD dimansuhkan dan bagaimanakah tata kelola industri pengangkutan rel dapat dipantau agar ianya seiring dengan pertumbuhan semasa pengangkutan awam darat di Malaysia.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan keberkesanan aspek penguatkuasaan mod jalan (melibatkan perkhidmatan pengangkutan penumpang melalui mod teksi, ehailing, bas dan juga kenderaan barangan), fungsi-fungsi penguatkuasaan termasuk mengeluarkan saman/kompaun dan pendakwaan bagi kesalahan di bawah mod jalan (pematuhan syarat perlesenan dan pematuhan peraturan bagi perkhidmatan pengangkutan awam mod jalan – perkhidmatan teksi, bas, ehailing dan sebagainya) akan dilaksanakan oleh JPJ. Pelaksanaan fungsi yang terlibat ini oleh JPJ akan menaikkan imej Kerajaan kerana akan menambahbaik aspek penguatkuasaan memandangkan liputan penguatkuasa JPJ yang lebih meluas serta mengelakkan persepsi terdapatnya pertindihan fungsi agensi-agens penguatkuasaan di atas jalan.

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang akan ditubuhkan akan melaksanakan fungsi seperti yang disenaraikan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (Akta 715) dan melaksanakan fungsi sebagai *economic regulator* ke atas sektor pengangkutan awam darat merangkumi rel antaranya:-

- (i) Mengawal selia dan melesenkan pengendali/penyedia perkhidmatan pengangkutan awam (orang dan barangan) melibatkan mod jalan dan rel;
- (ii) Mempertimbang, meluluskan dan mengawal selia pembangunan dan

pengoperasian skim keretapi;

- (iii) Melaksanakan semua dasar yang telah dibangunkan oleh Kerajaan ke atas sektor pengangkutan awam;
- (iv) Melaksanakan kajian-kajian ke atas inisiatif-inisiatif baharu bagi menambahbaik sektor pengangkutan awam darat;
- (v) Melaksanakan kajian keperluan perkhidmatan sektor pengangkutan awam darat;
- (vi) Mengkaji, membangun, menetapkan dan mengawal selia tambang serta jadual pengangkutan awam;
- (vii) Mengawal selia pembangunan infrastruktur pengangkutan awam melibatkan mod jalan dan keretapi;
- (viii) Memantau dan mengawal selia sektor pengangkutan awam darat secara keseluruhan; dan
- (ix) Menkuatkuasakan semua peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Akta 715.